

Headline	1,400 berkayuh santai dalam hujan		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	09 May 2019	Language	Malay
Circulation	4,244	Readership	12,732
Section	News	Page No	46
ArticleSize	581 cm ²	Journalist	SAYED HESHAM
PR Value	RM 16,584		



PESERTA kayuhan TNB Janamanjung Fellowship Ride (TNB JMFR) edisi ke-12 sejauh 121 kilometer bermula di Teluk Batik, Manjung, Perak, baru-baru ini. - UTUSAN/SAYED HESHAM IDRIS

1,400 berkayuh santai dalam hujan

Oleh SAYED HESHAM IDRIS
pengarang@utusan.com.my

■ LUMUT 8 MEI

HUJAN berserta angin kuat tidak menghalang 1,400 penggemar sukan berbasikal dari dalam dan luar negara, memulakan kayuhan sejauh 121 kilometer dalam TNB Janamanjung Fellowship Ride (TNB JMFR) edisi ke-12 di Teluk Batik, Manjung dekat sini, baru-baru ini.

Malah, hujan berterusan hampir tiga jam terus mengiringi mereka, menyebabkan masing-masing basah kuyup sejak di garisan permulaan di Taman Awam Teluk Batik.

Semua peserta sama ada secara berkumpulan, keluarga mahu pun individu begitu teruja dengan acara santai berbasikal tersebut dengan ada yang seawal pukul 5.30 pagi sudah berada di tapak permulaan.

Mereka adalah penggemar aktiviti berbasikal daripada pelbagai lapisan masyarakat dengan termuda berumur 13 tahun manakala paling berusia mencecah 70 tahun.

Terdapat juga kalangan peserta itu orang kurang upaya termasuk cacat penglihatan.

Para peserta dilepaskan bersama oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Noor Afifah Abdul Razak dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal bukan Islam dan Kampung Baharu negeri, Yong



LALUAN kampung menjadi tumpuan sepanjang kayuhan TNB Janamanjung Fellowship Ride sejauh 121 kilometer.

Choi Kiong.

Hadir sama, Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab. Rahman; Ketua Pegawai Penjanaan TNB, Ir. Roslan Abdul Rahman dan Pengarah Urusan TNBJ, Datuk Shamsul Ahmad.

Para peserta berkayuh dari Teluk Batik menuju Bota, pekan Parit dan Ayer Tawar yang memaparkan pemandangan Tanjung Belanja berhampiran Sungai Perak, sebelum kembali ke Teluk Batik.

Sepanjang 121 kilometer kayuhan, para peserta berhenti di tiga water station iaitu di pekan Parit, Air Tawar dan Manjung.

Walaupun menempuh jarak kayuhan yang jauh, mencabar dan dalam keadaan basah kuyup, mereka tetap bersemangat untuk menamatkan kayuhan.

Cabaran paling getir sudah tentunya laluan mendaki yang agak tinggi, kira-kira satu kilometer ke garisan penamat.

Ketika tenaga sudah hampir kehabisan, untuk melepasi bukit yang 'pacak' sudah tentu amat sukar sehingga ada yang hanya mampu menolak basikal masing-masing untuk melepasi laluan mendaki tersebut.

Namun, keputusan jelas terpancar di wajah para peserta yang menamatkan kayuhan apatah lagi apabila masing-masing menerima medal JMFR setelah mengambil masa sekitar lima jam untuk melepasi garisan bagi menamatkan perlumbaan.

Edisi kali ini adalah bersempena TNB Janamanjung Sdn. Bhd. (TNBJ) menyambut ulang tahun ke-20 kewujudan Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS) di Manjung.

Penganjurannya dilihat menjadi lebih bermakna apabila Tenaga Nasional Berhad pula bakal meraikan ulang tahun ke-70 pada 1 September ini.